

Ikut jadual

Pelan tingkat mutu pengangkutan awam berjalan lancar

KUALA LUMPUR: Syarikat Prasarana Negara Bhd (Prasarana) yakin pelan meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam negara ini mampu dilaksanakan mengikut perancangan, kata Pengerusi Kumpulan Prasarana, Tan Sri Ismail Adam.

"Ia sedang berjalan lancar seperti dirancang. Namun, pelan ini harus dilaksanakan secara berperingkat.

"Ini termasuk pemilikan aset baru selain penambahbaikan aset dan kemudahan sedia ada," katanya kepada pemberita pada majlis Sambutan Ulang Tahun ke-10 syarikat milik penuh kerajaan itu, di sini, semalam.

Majlis sambutan ulang tahun itu dilancarkan Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar.

Antara pelan penambahbaikan dan pemilikan aset

baru itu membabitkan penggunaan sistem empat gerabak KL Monorail berbanding dua gerabak ketika ini dalam usaha menggalakkan lebih ramai menggunakan tren.

Pemilikan itu dijangka dilaksanakan November ini.

Selain itu, Prasarana akan menambah 80 bas baru untuk RapidPenang di mana ketika ini ia sedang dikilangkan (proses membuat rekaan logo dan sebagainya), selain pelan meningkatkan mutu perkhidmatan bas RapidKL bagi pengguna sekitar Lembah Klang.

Turut mengikut perancangan adalah projek sambungan landasan transit aliran ringan (LRT) bagi Aliran Ampang sepanjang 17.7 kilometer (km) serta pembinaan 11 stesen baru dan penyambungan landasan bagi Aliran Kelana Jaya sepanjang 17 km serta pembinaan

12 stesen baru.

Bagi pemilikan aset baru pula ia membabitkan 20 set tren enam gerabak untuk laluan penyambungan landasan Aliran Ampang dan ia dijangka dimiliki pada Disember ini.

"Ketika ini ia membabitkan pemberian kontrak dan selepas selesai barulah kami umumkan tarikh penghantaran," katanya.

Syarikat milik penuh kerajaan itu juga sedang dalam usaha menaik taraf 24 stesen di Aliran Ampang membabitkan kemudahan tandas, eskalator serta kemudahan untuk orang kelainan upaya (OKU).

Ismail berkata, Prasarana turut bekerjasama rapat dengan Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) bagi menjayakan MRT Sungai Buloh-Kajang dalam usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas. - Bernama